



## SURAT PEKELILING CIDB-BIL.1/2023

### **PEMAKLUMAN BERKENAAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN KONTRAKTOR ASING (SPKKA)**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam Industri Pembinaan mengenai Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan bagi kontraktor asing yang ingin menyertai perolehan kerajaan dalam Sektor Pembinaan berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bab Perolehan Kerajaan Dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement-FTA). (PK 1.3)

#### **2.0 OBJEKTIF**

Melaksanakan pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan kepada kontraktor asing (SPKKA) sekiranya ingin menyertai perolehan kerajaan berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bab Perolehan Kerajaan Dalam Perjanjian Perdagangan Bebas ( Free Trade Agreement-FTA) (PK 1.3)

#### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Bagi tujuan menyertai perolehan kerja Kerajaan, kontraktor asing dikehendaki berdaftar dan memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing (PPKA) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Asing (SPKKA).
- 3.2 Sijil SPPKA tersebut hanya akan dikeluarkan kepada syarikat kontraktor daripada Negara ahli yang menandatangani dan menguatkuasakan CPTPP dan memenuhi Syarat Pendaftaran di Perenggan 4.0 sepertimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bab Perolehan Kerajaan Dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement-FTA). (PK 1.3)

3.3 Permohonan pendaftaran boleh dibuat melalui <https://cims.cidb.gov.my>

#### **4.0 SYARAT PENDAFTARAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN KONTRAKTOR ASING (SPKKA)**

Syarat pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Asing adalah seperti pada jadual di bawah:

| <b>Syarat permohonan SPKKA</b> |   |
|--------------------------------|---|
| <b>Bil</b>                     | <b>Perkara</b>  |
| <b>1</b>                       | Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing (PPKA) yang masih sah dan bebas daripada tindakan tatatertib yang masih berkuatkuasa.                                 |
| <b>2</b>                       | Pemegang Saham tidak boleh memiliki ekuiti melebihi 5% dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/SPKKA yang masih sah. |
| <b>3</b>                       | Pengarah/Pemilik tidak boleh wujud dalam mana-mana syarikat lain yang mempunyai SPKK/SPKKA yang masih sah.  |
| <b>4</b>                       | Personel Teknikal/Orang Kompeten/Penama SPKKA tidak boleh wujud dalam mana-mana syarikat lain yang mempunyai SPKK/SPKKA yang masih sah.                               |
| <b>5</b>                       | Mempunyai sijil SCORE dengan penarafan 3 bintang yang masih sah.  |
| <b>6</b>                       | Penama pada sijil SPKKA mestilah sekurang-kurangnya seorang warganegara Malaysia.   |
| <b>7</b>                       | Mempunyai pensijilan Contractor's Quality Management System (CMQS) atau ISO 9001:2008/2015 yang masih sah.  |

#### **5.0 TARIKH MULA**

Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Asing (SPKKA) di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ini akan bermula pada 1 Februari 2023.

**“BINA SEMPURNA”**

**DATUK Ir. AHMAD ‘ASRI ABDUL HAMID**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

17 Januari 2023